



KENYATAAN MEDIA

Hampir 150,000 orang berjaya mendapat pekerjaan dalam 6 bulan menerusi portal MYFutureJobs

Pendang, KEDAH – Inisiatif PenjanaKerjaya atau Program Pengambilan Pekerja yang diperkenalkan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah berjaya menempatkan hampir **150,000** orang yang kehilangan pekerjaan, graduan dan lepasan sekolah di pasaran buruh semasa dalam tempoh **enam bulan** sehingga Disember tahun ini.

Ini adalah hasil kesungguhan dan komitmen Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh YAB Perdana Menteri untuk mengurangkan kadar pengangguran dan seterusnya menstabilkan dan mengukuhkan pasaran buruh negara.

Sejak program ini bermula, sebanyak **12 Karnival PenjanaKerjaya berskala besar** telah dianjurkan oleh agensi KSM iaitu Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di mana wakil-wakil majikan hadir untuk menemuduga calon-calon bagi mengisi kekosongan jawatan dalam perusahaan masing-masing. Enam (6) daripada Karnival PenjanaKerjaya yang dianjurkan ini diadakan **secara maya**, yang melibatkan **28 lokasi**. Manakala bagi program **temuduga kecil**, sebanyak **242 program** telah dilaksanakan.

Portal pekerjaan negara **MYFutureJobs** di bawah KSM, yang berkait dengan program PenjanaKerjaya, telah melihat peningkatan pendaftaran **pencari kerja** dan **kekosongan jawatan**. Sejak Januari 2020 sehingga kini, portal MYFutureJobs telah menerima pendaftaran seramai **413,507 pencari kerja** dan juga **656,860 kekosongan jawatan**. Portal ini juga bakal bertindak sebagai **single window** yang akan menjadi jaringan kepada portal-portal utama yang lain seperti portal *Upskilling* oleh Pembangunan Sumber Manusia dan Sistem *E-Belia* di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Sementara itu, Insentif Pengambilan Pekerja yang disediakan Kerajaan di antara RM600 sehingga RM1,000 telah berjaya meringankan beban majikan yang memerlukan pekerja. **Sehingga 23 Disember 2020**, sebanyak **RM 160.66 juta** telah diagihkan kepada majikan yang telah berjaya membuat pengambilan pekerja menerusi inisiatif tersebut.

Insentif PenjanaKerjaya ini akan diteruskan dalam **Belanjawan 2021** dengan peruntukan sebanyak **RM2 billion** di samping beberapa insentif yang ditambah baik dan insentif baru seperti program latihan untuk kategori perantisan dan kadar insentif pengambilan pekerja yang ditingkatkan daripada **40% sehingga 60% daripada gaji siling RM10,000**, dengan insentif maksimum sebanyak RM6,000. Insentif maksimum tersebut hanya layak dipohon oleh majikan yang mengambil pekerja tempatan kerana ia adalah sebahagian daripada program “Malaysianisation”.

KSM menggesa semua majikan agar memanfaatkan peruntukan yang disediakan Kerajaan untuk Insentif Pengambilan Pekerja di bawah Belanjawan 2021. Majikan-majikan besar seperti Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan majikan lain yang memiliki kedudukan kewangan yang stabil juga digalakkan melaksanakan pengambilan pekerja supaya dapat menyokong usaha Kerajaan Malaysia dalam mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

YB Tuan Haji Awang Bin Hashim
Timbalan Menteri Sumber Manusia
26 Disember 2020